

Headline	TH sasar dana pendeposit RM50 bilion		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Feb 2014	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	138,805
Page No	B2	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	305 cm ²
Journalist	Shahrizan Salian	AdValue	RM 10,286
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,858



TH sasar dana pendeposit RM50 billion

» *Agensi tumpu pelaburan ekuiti tersenarai, sektor harta tanah*

Oleh Shahrizan Salian

Lembaga Tabung Haji (TH) menyasarkan dana pendepositnya akan mencapai RM50 bilion sebelum akhir tahun ini, kata Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutifnya, Datuk Ismee Ismail.

Beliau berkata, ketika ini TH memiliki dana berjumlah RM45.6 bilion yang disumbangkan oleh 8.3 juta pendeposit, berbanding kira-kira RM35 bilion pada awal tahun lalu.

"Faktor yang memungkinkan sasaran itu mampu dicapai ialah keyakinan awam terhadap keupayaan TH untuk menguruskan dana," katanya semasa ditemui pemberita selepas merasmikan Bengkel Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) TH di Kelana Jaya, semalam.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Abu Kassim Mohamed dan Ketua Pegawai Integriti TH, Datuk Latifah Md Yatim turut hadir.

Mengulas lanjut, Ismee berkata agensi itu komited untuk meneruskan aktiviti pelaburan sedia ada kumpulan bagi tahun ini, khususnya penumpuan terhadap pelaburannya dalam ekuiti tersenarai serta sektor harta tanah.

Tumpu sektor harta tanah

"Kami akan meneruskan pelaburan seperti dirancang dan bagi tahun ini, pelaburan khususnya akan lebih rancak dilaksanakan menerusi sektor harta tanah di dalam dan luar negara," katanya sambil menambah TH akan terus membentuk modal perniagaan yang menjanjikan pulangan berulang kepada kumpulan.

Beliau berkata, pelaburan berdaya tahan seperti itu penting kepada TH kerana perlu membayar dividen yang baik kepada pendeposit setiap tahun.

Justeru, katanya setiap keputusan pelaburan perlu dibuat dengan teliti supaya dapat memberikan pulangan munasabah kepada kumpulan, seterusnya kepada pendeposit.

"Jika ada mana-mana sektor baharu yang menarik, maka TH

akan menimbang untuk mencabarinya," katanya.

Ismee berkata, pihaknya kini sedang menimbang untuk meluaskan capaian pelaburannya dalam bidang harta tanah tempatan ke kawasan di luar Kuala Lumpur.

Katanya, TH sudah menerima pelbagai cadangan bagi tujuan berkenaan dan kumpulan masih dalam peringkat

menilai setiap satu daripada peluang berkenaan.

"Kami mahu melebarkan capaian dari segi geografi. Kami melihat banyak peluang yang ada seperti di Wilayah Pembangunan Iskandar di Johor serta beberapa kawasan di koridor pembangunan negara yang lain," katanya sambil menambah TH meninjau pembangunan komersial dan harta tanah kediaman.

Mengenai pelaburan TH di London, Ismee berkata tiga bangunan yang dimilikinya ketika ini mendapat pulangan dalam bentuk sewaan.

Selain harta tanah, antara sektor pelaburan teras TH ketika ini ialah perladangan, pembinaan, perbankan, teknologi maklumat, minyak dan gas, pelancongan, perkhidmatan serta makanan halal.

FAKTA NOMBOR

**RM45.6
billion**
dana dimiliki TH

Headline	TH sasar dana pendeposit RM50 bilion		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Feb 2014	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	138,805
Page No	B2	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	305 cm ²
Journalist	Shahrizan Salian	AdValue	RM 10,286
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,858



Abu Kassim (dua dari kanan) bersama Ismee (kanan) bersalaman dengan peserta **Bengkel Pelan Pengurusan Risiko Rasuah TH** di Kelana Jaya, semalam.

[FOTO SURIANIE MOHD HANIF/ BH]